

4/4/18

P. 34

**JACKIE WONG**

Jackie mahu pecah rekod lagi

KUALA LUMPUR 3 April - Pemenang emas Sukan SEA Kuala Lumpur, Jackie Wong bersedia untuk mencipta rekod baharu kebangsaan bagi acara baling tukul besi menjelang penyertaan kali keduanya dalam edisi Sukan Komanwel.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Pertanian, Universiti Putra Malaysia

(UPM) yang juga pemegang rekod kebangsaan dengan balingan sejauh 65.90 meter itu

melaungkan keyakinan mampu untuk memperbaharui rekod tersebut.

Tambahnya, dengan persiapan rapi yang dilakukan bermula selepas Sukan SEA, dia kini berada dalam keadaan prestasi terbaik dan sudah bersedia untuk mengharungi temasya kedua terbesar dunia itu di Gold Coast, Australia.

“Ini adalah kali kedua, jadi penampilan pertama saya tidak berjaya memasuki pusingan akhir tetapi kali ini saya harap mampu berada di pusingan akhir dan berada dalam kelompok lapan terbaik.

“Dengan persediaan rapi ketika sesi latihan insentif di Perlis, saya rasa mampu untuk mengatasi rekod kebangsaan yang juga rekod peribadi saya jika melakukan teknik dengan baik semasa balingan. Sasaran saya adalah melakukan balingan sejauh 66 meter,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Meraikan Atlet Universiti Putra Malaysia (UPM) ke Sukan Komanwel di sini hari ini.

